

# PM saksi 9 MoU syarikat Malaysia-Indonesia RM1.66b

**METRA SYAHRIL MOHAMED**



Melaporkan dari Jakarta sempena kunjungan rasmi Datuk Seri Anwar Ibrahim

**JAKARTA:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dalam rangka lawatan rasmi ke Indonesia termasuk pertemuan dengan Presiden Joko Widodo (Jokowi), menyaksikan sembilan memorandum persefahaman (MoU) antara sektor swasta Malaysia dan Indonesia.

Beliau yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta pukul 1.57 petang semalam menyaksikan MoU itu yang dimeterai dengan jumlah projek dianggar RM1.66 bilion.

Perdana Menteri tiba di Jakarta ditemani isteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Dalam majlis diadakan di Hotel Grand Hyatt, dekat sini, Perdana Menteri turut menyaksikan penyerahan 12 pucuk Surat Minat (LOI) oleh syarikat-syarikat Malaysia un-



**ANWAR Ibrahim tiba di Terminal 3 Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta sempena lawatan rasmi selama dua hari ke Indonesia, semalam. Beliau disambut oleh Menteri Pekerjaan Umum dan Perumahan Rakyat Indonesia, Basuki Hadimulion. - PEJABAT PERDANA MENTERI**

tuk mengambil bahagian dalam pembangunan Ibu Kota Nusantara (IKN) yang sedang giat dijalankan oleh kerajaan Indonesia.

Surat-surat minat tersebut

diserahkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz kepada Pengerusi Pihak Berkuasa IKN, Bambang Susantono.

Hari ini, Perdana Menteri bakal mengadakan pertemuan bersama Jokowi di Istana Bogor, istana yang menjadi pejabat rasmi kepresidenan dan kediaman rasmi Presiden.